

Dr Sharifah
Hapsah



Rakyat perlu diberi kefahaman fa

Program kesedaran, pendidikan masyarakat massa mesti dipergiat untuk

Medah GST

hindar keraguan pelaksanaan



PADA 16 Disember 2009, Menteri Kewangan Kedua membentangkan Rang Undang-Undang Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Satu kezaman politik yang jelas dapat dikesakan dengan pembentangan itu, sesuatu yang sedia untuk dilaksanakan sejak pengumuman mengenainya pada bajet 2005.

Bagaimanapun, pembentangan GST itu ditangguhkan bagi mendapat maklum balas rakyat. Ini adalah satu langkah baik memandangkan kefahaman dan penerimaan kemudiannya oleh rakyat adalah faktor kritikal dalam penjayannya. Cukai bukanlah sesuatu yang kita alu-alukan. Di samping sungutan terhadap pelbagai cukai, GST pula bukanlah sesuatu yang mudah difahami orang awam.

Justeru, sangat perlu menghindarkan keraguan dan ketidakpercayaan, apatah lagi daripada mempolitikkannya dengan mempergiatkan program kesedaran dan pendidikan demi kefahaman masyarakat massa.

Sebagai contoh, dakwaan bahawa GST adalah cukai tambahan yang membeban dan memudaratkan rakyat seharusnya dikesampingkan kerana kita semua, miskin atau kaya sememangnya membayar cukai pengguna yang dipanggil Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). GST, sebenarnya akan menggantikan Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

GST juga akan mengatasi kelemahan percukaian berganda yang wujud dalam SST. Pertubuhan Alumni PTD seharusnya dipuji kerana mengadakan perbincangan mengenai GST pada dialog polisi 4 Mac lalu. Diskusi itu memberi peluang kepada pihak kerajaan menjelaskan bagaimana GST akan mengurangkan kebergantungan kita ke atas cukai hasil petroleum dan cukai pendapatan, bagaimana ia melindungi rakyat berpendapatan rendah dan bagaimana sistem percukaian semasa akan menjadi lebih komprehensif, cekap, berkesan, telus dan mesra perniagaan.

Paling penting ialah memberi laluan kepada kerajaan untuk menjelaskan kesediaan serta persiapan dalam melaksanakan GST, seperti sistem pengkomputeran mencukupi, latihan kepada pentadbir dan pengutip cukai, langkah mengatasi penyelewengan invoice cukai nilai-tambah (VAT) dan penipuan lain seperti kecekapan langkah anti-rasuah.

Tempoh sehingga pertengahan 2011 memberi masa lebih setahun kepada kerajaan untuk menjelaskan model Malaysia yang dikemukakan dan implikasinya ke atas rakyat, perniagaan, ekonomi dan kerajaan. Pengguna awam yang risau dengan sistem percukaian baru, harus didampingi dan diberi kefahaman menerusi dialog, perjumpaan khusus dan media terutama TV. Permasalahan yang disuarakan oleh pengguna harus dilayani, justeru kekeliruan dapat diperbetulkan.

Pengguna, yang membayar cukai perlu diberi jaminan bahawa kadar GST tidak akan dinaikkan melebihi empat peratus yang disarankan bagi tempoh pelaksanaannya, adalah munasabah.



GST digubal bertujuan meringankan beban rakyat keseluruhannya, terutama kumpulan ra

Dalam perkara ini, barangkali prestasi SST yang statik sejak 1970-an memberi kelegaan. Pengguna juga harus dididik mengenai ciri-ciri istimewa model GST Malaysia yang digubal, bertujuan meringankan beban rakyat keseluruhannya, terutama kumpulan rakyat yang miskin dan berpendapatan rendah.

Kadar sifar dan pengecualian daripada GST merangkumi barangan asas seperti hasil pertanian (padi dan sayur-sayuran segar), makanan asas (beras, gula, garam kasar, tepung, minyak masak), telur, ikan, daging dan ayam. Rancangan kerajaan untuk menerbitkan panduan pengguna yang merangkumi 350 barangan dalam Indeks Harga Pengguna akan membantu kita melaporkan aduan terhadap pengaut untung berlebihan.

Ini memudahkan pemantauan dan mengukuhkan lagi perancangan mewujudkan undang-undang anti-pencatutan. Dengan cara sedemikian, kerajaan dapat memastikan keuntungan dinikmati peniaga dapat disalurkan kepada pengguna. Kita berharap undang-undang anti-pencatutan ini dapat diluluskan sebelum pelaksanaan GST pada pertengahan tahun depan.

Persoalan dalam minda orang awam ialah ke manakah pendapatan daripada GST akan disalurkan? Walaupun dari segi jangka panjang, peningkatan hasil diperoleh daripada cukai-cukai langsung, orang awam masih perlu diyakinkan bagaimana hasil tambahan ini

akan dimanfaatkan untuk membiayai pembangunan demi kepentingan rakyat dan negara.

Bagi komuniti perniagaan dan pedagang pula, sangat perlu diberi penerangan dengan contoh perkiraan GST yang jelas dan mudah kerana konsep nilai tambah dalam pembayaran cukai berperingkat oleh orang tengah dalam proses pengeluaran dan pendedaran,

“ Komuniti perniagaan

perlu diyakinkan bahawa sebagai orang tengah, GST mengurangkan kos bagi perniagaan mereka; bahawa mereka beruntung kerana kutipan cukai adalah melalui sistem kredit di mana GST yang dikenakan ke atas modal ditimbal balas pada GST yang dikenakan ke atas hasil yang dikeluarkan”



vat yang miskin dan berpendapatan rendah.

mungkin sesuatu yang sukar difahami bagi banyak pihak.

Manual ringkas dan jelas barangkali diperlukan untuk membiasakan mereka dengan sistem GST, serta menyebarkanluaskannya menerusi pertubuhan perniagaan sebelum pelaksanaannya. Sambungan terus atau talian e-mel bagi tujuan mendapat penjelasan perlu diwujudkan dan perlulah berperanan dengan berkesan bagi memberi bimbingan.

Komuniti perniagaan perlu diyakinkan bahawa sebagai orang tengah, GST mengurangkan kos bagi perniagaan mereka; bahawa mereka beruntung kerana kutipan cukai adalah melalui sistem kredit di mana GST yang dikenakan ke atas modal ditimbal balas pada GST yang dikenakan ke atas hasil yang dikeluarkan.

Bagaimanapun ini memerlukan pengiraan secara berkomputer yang teratur dan sistem dokumentasi bagi semua rekod perakaunan mereka. Adakah perniagaan ini sudah mempunyai sistem yang membolehkan mereka mendapat rebat daripada potongan cukai? Di bawah undang-undang GST Singapura misalnya, setiap pedagang-GST perlu mempunyai rekod perakaunan dan dokumen asal bagi beberapa tahun tertentu.

Dengan meletakkan aras minimum RM500,000 yang dicadangkan, 22 peratus atau 121,000 syarikat dijangka didaftarkan, dengan sebahagian besar industri kecil dan sederhana diberi pengecua-


lian. Kerajaan mesti mempunyai pelan untuk membantu peniaga bersedia untuk GST dalam satu tempoh ditetapkan.

Kos keakuran terhadap keperluan GST hanya sekali dan tidak dijangka akan menjadi satu bebanan. Kos itu tidak harus dilihat sebagai suatu halangan, sebaliknya sebagai langkah mencapai standard tinggi dalam penyelenggaraan rekod akaun dan kewangan, justeru merangsang persaingan dalam ekonomi.

Pastinya, komuniti perniagaan akan mempunyai banyak persoalan lagi, umpamanya tempoh masa untuk pembayaran balik. Kerajaan merancang untuk membuat peraturan bagi tempoh masa pembayaran balik mengikut kaedah manual dan elektronik. Ini akan dapat meyakinkan orang awam mengenai kemampuan sistem bayaran balik dan melenyapkan kebimbangan bahawa mungkin ada peningkatan kos sebenar dan kos lepas (opportunity costs) kepada pengeluar.

GST sudah dilaksanakan di 146 negara. Ia juga boleh dilaksanakan dengan jayanya di Malaysia jika lebih banyak dialog terbuka diadakan bagi meyakinkan masyarakat mengenai kebaikan dan faedahnya kepada negara dan bahawa perancangan pelaksanaannya sudah tersedia.

Prof Tan Sri Dr Sharifah Hapsah ialah Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



SISTEM percukaian semasa akan menjadi lebih komprehensif, cekap, berkesan, telus dan mesra perniagaan.



RANCANGAN kerajaan untuk menerbitkan panduan pengguna yang merangkumi 350 barangan dalam Indeks Harga Pengguna akan membantu kita melaporkan aduan terhadap pengaut untung berlebihan.